



MEMO BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)
KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
06-3878412 (Tel) 06-3878073 (Fax)



Ruj. Kami :KUIM/HEPA/UP/07/2019 (45)

Tarikh : 15 November 2019
18 Rabiulawal 1440H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Perkara	MAKLUMAN PENEMPATAN BAGI PELAJAR PRAKTIKAL SESI 2 (DISEMBER) 2019/2020
Kepada	Semua Pelajar Praktikal (Disember 2019-April 2020)
Daripada	Pengarah Hal Ehwal Pelajar & Alumni,
Salinan Kepada :	<ul style="list-style-type: none">➤ YBhg. Naib Canselor➤ Bendahari➤ Semua Dekan➤ Ketua Unit Keselamatan➤ Unit Penempatan➤ Presiden MPP

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pihak HEPA telah menerima sebanyak 334 permohonan pelajar yang akan menjalani latihan praktikal pada sesi 2 (Disember) 2019/2020. Pihak HEPA juga, menerima maklumat dari fakulti bahawa bilangan pelajar yang praktikal adalah sebanyak 462 orang pelajar. Diminta kepada semua pelajar praktikal yang belum menghantar borang duduk luar, hendaklah membuat permohonan sebelum **22 November 2019** untuk mengemaskini data semasa.

3. Seperti sedia maklum, unit penempatan tidak menyediakan penempatan bagi pelajar praktikal. Walau bagaimanapun, pelajar yang menjalani latihan praktikal yang memerlukan penempatan di Kolej Kediaman boleh membuat permohonan diHEPA.

Segala kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

"MELAKA BERWIBAWA"

"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. BAHAROM BIN SAID)